

Pendirian Dong Zong yang dinyatakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangani Isu Kekurangan Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang diadakan pada 2 April 2012 di Kementerian Pelajaran Malaysia

(1) RESOLUSI-RESOLUSI PERHIMPUNAN MEMBANTAH KEKURANGAN GURU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YANG DIADAKAN PADA 25 MAC 2012

1. Perhimpunan ini menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia supaya menarik balik penempatan semua guru yang tidak berkelayakan Bahasa Cina termasuk guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang ditempatkan ke Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) pada awal sesi persekolahan tahun ini. Perhimpunan ini juga menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia menempatkan semula guru-guru yang berkelayakan Bahasa Cina ke Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang dipindahkan sebelum ini.
2. Perhimpunan ini menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia supaya mengadakan program latihan kerja khas untuk guru-guru yang berkelayakan Bahasa Cina yang telah mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) sekurang-kurangnya tiga tahun agar mereka memiliki kelayakan profesion mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

3. Perhimpunan ini menggesa Kementerian Pelajaran Malaysia supaya memulihkan sistem latihan perguruan yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), dan menubuhkan bahagian latihan perguruan yang khusus untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina serta mewujudkan satu pelan latihan perguruan yang lebih sempurna dengan menetapkan kepujian mata pelajaran Bahasa Cina di peringkat SPM untuk melahirkan guru-guru yang memenuhi keperluan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina).
4. Perhimpunan ini menggesa kerajaan supaya mengkaji semula Akta Pendidikan dan melaksanakan dasar pendidikan pelbagai aliran sekolah dengan bahasa pengantar masing-masing untuk menjamin semua aliran sekolah yang sedia ada dengan memberi kedudukan sama rata dan layanan adil kepada setiap aliran sekolah.

(2) Penerangan oleh Dong Zong Berkenaan Empat Resolusi yang diluluskan oleh Perhimpunan Membantah Kekurang Guru di SJKC yang diadakan pada 25 Mac 2012 (Perhimpunan 325)

1. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran memberi perhatian utama dan melaksanakan keempat-empat resolusi Perhimpunan 325 dengan kadar segera.
2. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran menyelesaikan masalah kekurangan guru SJKC dari segi dasar dan sistem pendidikan agar masalah ini diselesaikan dari peringkat akar umbi untuk selama-lamanya. Kementerian Pelajaran mesti melatih dan menempatkan guru pentadbiran berjawatan tinggi dan guru mata pelajaran yang mencukupi, berkelayakan rasmi dan berkelayakan Bahasa Cina untuk keperluan SJKC, serta mengumumkan formula dan jadual waktu atau "roadmap" penyelesaian masalah tersebut.
3. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran melaksanakan Resolusi Ketiga Perhimpunan 325 dan mesti menubuhkan bahagian khusus yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama untuk latihan perguruan SJKC di Institusi Pendidikan Guru dan Universiti Pendidikan Guru. Selain itu, Kementerian Pelajaran mesti menetapkan kepujian mata pelajaran Bahasa Cina di peringkat SPM sebagai syarat permohonan latihan perguruan SJKC supaya melatih dan menempatkan guru pentadbiran berjawatan tinggi, guru mata pelajaran bahasa dan guru bukan mata pelajaran bahasa yang mencukupi, berkelayakan rasmi dan berkelayakan Bahasa Cina untuk keperluan SJKC.
4. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran menetapkan secara rasmi supaya guru-guru pelatih termasuk pemegang Sijil UEC (*Unified Examination Certificate*) Sekolah Menengah Persendirian Cina yang memohon latihan perguruan SJKC mestilah dikekalkan di dalam bahagian latihan perguruan SJKC dan ditempatkan ke SJKC selepas lulus dan tamat latihan perguruan.
5. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran juga mengadakan program latihan kerja khas untuk guru-guru yang berkelayakan Bahasa Cina yang telah mengajar mata pelajaran bukan bahasa (Contohnya, mata pelajaran Matematik, Sains dan sebagainya) di SJKC sekurang-kurangnya tiga tahun agar mereka memiliki kelayakan profesion mengajar mata pelajaran bukan bahasa.
6. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran menyelesaikan beberapa masalah dengan kadar segera. Ini termasuk:
 - (a) Menarik balik dengan kadar segera penempatan semua guru yang tidak berkelayakan Bahasa Cina termasuk guru-guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang ditempatkan ke SJKC pada awal sesi persekolahan tahun ini. Susulan itu, Kementerian Pelajaran mesti menempatkan guru-guru yang mencukupi, berkelayakan rasmi dan berkelayakan Bahasa Cina untuk mengisi kekosongan jawatan.
 - (b) Mengeluarkan arahan dengan kadar segera kepada semua guru besar SJKC supaya melantik guru-guru sandaran untuk tempoh kontrak satu tahun. Selain itu, kerajaan mesti menanggung semua perbelanjaan gaji dan kebajikan guru-guru sandaran.
 - (c) Mengumumkan isi kandungan kontrak guru sandaran dengan kadar segera. Ini merupakan satu janji yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran Dr. Wee Ka Siong dalam satu mesyuarat pada 29 Disember 2011 dan berkata guru-guru sandaran menikmati layanan yang lebih baik dalam kontrak baru itu.
7. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran mengumumkan maklumat dan statistik pendidikan. Ini termasuk:
 - (a) Bilangan guru tidak berkelayakan Bahasa Cina yang ditempatkan ke SJKC pada awal sesi persekolahan tahun ini, termasuk mata pelajaran yang diajar dan jawatan yang

- disandang oleh guru-guru tersebut serta senarai sekolah yang terlibat.
- (b) Maklumat dan bilangan keperluan, bekalan dan kekurangan guru pentadbiran berjawatan tinggi dan guru mata pelajaran di SJKC. Ini termasuk:
- i. Bilangan guru berserta dengan kelayakan profesion dan mata pelajaran yang diajarnya.
 - ii. Guru sandaran dan guru ganti.
 - iii. Jenis dan maklumat kursus-kursus latihan perguruan SJKC.
 - iv. Bilangan pelatih dan tamatan perguruan SJKC setiap tahun bersertakan dengan maklumat kelayakan profesion mata pelajarannya.
 - v. Bilangan guru yang bersara dan berhenti khidmat setiap tahun bersertakan dengan maklumat mata pelajaran yang diajar atau jawatan yang disandangnya.
- (c) Bilangan guru sandaran SJKC yang diambil untuk latihan perguruan bersertakan maklumat jenis kursus latihan perguruan dan mata pelajaran latihan.
8. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran memulihkan Kursus Dalam Cuti (KDC) supaya guru-guru sandaran SJKC yang menghadapi keadaan yang berbeza berpeluang dilatih menjadi guru SJKC secara rasmi.
 9. Iklan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (PISMP) Ambilan Jun 2012 yang diumumkan oleh Kementerian Pelajaran pada 18 Mac tahun ini di akhbar tempatan tidak mempunyai ambilan guru pelatih mata pelajaran Bahasa Cina SJKC. Oleh itu, Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran mesti menyenaraikan ambilan guru pelatih mata pelajaran Bahasa Cina SJKC dan menetapkan secara rasmi kursus-kursus latihan perguruan SJKC mesti meliputi ambilan guru pelatih mata pelajaran Bahasa Cina dan mata-mata pelajaran lain.
 10. Dong Zong menggesa Kementerian Pelajaran mesti melatih dan menempatkan guru-guru pemulihan, pendidikan khas dan pendidikan prasekolah yang mencukupi, berkelayakan rasmi dan berkelayakan Bahasa Cina untuk keperluan SJKC.
 11. Dong Zong menggesa kerajaan mengkaji semula Akta Pendidikan dan melaksanakan dasar pendidikan pelbagai aliran sekolah untuk menjamin semua aliran sekolah yang sedia ada dengan memberi kedudukan sama rata dan layanan adil kepada setiap aliran sekolah. Ini termasuk:
 - (a) Memansuhkan dasar satu aliran sekolah dan peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Akta Pendidikan 1996.
 - (b) Membina SJKC baru secara bersistem bersertakan peruntukan wang dan tanah untuk pembinaan sekolah untuk memenuhi keperluan dan hak rakyat.
 - (c) Memberi peruntukan wang secara adil.
 - (d) Menyelesaikan masalah kekurangan guru dan guru tidak berkelayakan Bahasa Cina di SJKC.